



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

SENTUHAN KESUMA DI BAWAH BAYU: MENYEMAI HARAPAN, MEMBINA KEMAHIRAN

KOTA KINABALU, 1 Jun 2025 - Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dengan kerjasama Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah melaksanakan program komuniti **“Sentuhan KESUMA Bersama HRD Corp di Bawah Bayu”** di Pulau Gaya sebagai sebahagian daripada inisiatif pra-pelancaran Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2025. Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Encik Steven Sim Chee Keong ini menghimpunkan lebih 450 penduduk dari Kampung Gaya, Lok Urai, Torong Logong dan Kesuapan, dengan pelbagai sesi latihan kemahiran yang direka khusus untuk wanita, belia dan pelajar.

KESUMA menetapkan sasaran untuk memberikan latihan kemahiran kepada sekurang-kurangnya 5,000 penduduk Pulau Gaya pada tahun ini sebagai langkah susulan kepada program ini. **Bagi negeri Sabah secara keseluruhan, kementerian mensasarkan penyertaan 60,000 peserta latihan sepanjang 2025**, peningkatan besar berbanding 15,000 orang tahun lalu. Inisiatif ini sejajar dengan tema NTW 2025, “Pembelajaran Tanpa Sempadan”, yang menekankan pentingnya penyediaan peluang latihan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira lokasi atau latar belakang.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR), YB Steven Sim turut menyampaikan pelbagai sumbangan kepada komuniti Pulau Gaya. Ini termasuk 700 jaket keselamatan untuk penumpang bot harian, bantuan bakul makanan kepada 300 keluarga kurang berkemampuan, serta sumbangan tunai berjumlah RM20,000 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Gaya dan Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya. Program ini turut menyaksikan pelancaran “Living Lab for Sabah Talent Development” hasil kerjasama HRD Corp dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), serta sokongan latihan menerusi Skim ALAT kepada tiga majikan tempatan.

Program ini mencerminkan prinsip Malaysia MADANI yang berteraskan keterangkuman, kesejahteraan dan kemampanan. Melalui gabungan latihan, pendidikan dan bantuan kebajikan, KESUMA dan HRD Corp komited untuk membina sebuah ekosistem pembangunan insan yang adil dan mampan, demi memastikan tiada komuniti tercicir dalam arus pembangunan negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1 JUN 2025

LAMPIRAN

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	